

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

27. Adakah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang memenuhi kriteria Universal Design?

(a) Adakah Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) mempunyai perancangan untuk mengatasi masalah banjir kilat dalam kawasan airport?

(b) Ruang menunggu bas persiaran di bahagian ketibaan tidak mempunyai bumbung. Adakah MAHB berhasrat untuk membina bumbung bagi keselesaan pelancong ketika hujan lebat?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

27. Menurut Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk dengan memenuhi kriteria *Universal Design*.

a) MAHB sememangnya memandang serius terhadap isu banjir kilat dalam kawasan lapangan terbang dan telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Pulau Pinang untuk meneliti punca utama serta mengenalpasti perancangan mengatasi masalah ini. Hasil kajian JPS mendapati bahawa masalah banjir yang berlaku di LTAPP bukan berpunca daripada projek-projek di LTAPP tetapi ianya dipercayai berpunca daripada pembangunan pesat di kawasan sekitar LTAPP. Walau bagaimanapun, pihak MAHB telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah banjir ini dengan membina beberapa *On Site Detention Pond (OSDP)* di kawasan LTAPP. Antara kawasan-kawasan yang telah dibina OSDP oleh pihak MAHB adalah di kawasan *Baggage Handling System (BHS)*, kawasan parkir kenderaan kakitangan dan parkir

Turbo Propeller Aircraft. Pada masa yang sama, MAHB sentiasa memberi kerjasama kepada pihak JPS Pulau Pinang dengan mengadakan perbincangan untuk mengatasi masalah banjir yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

b) Keperluan menyediakan ruang menunggu bas persiaran yang berbumbung akan dimasukkan ke dalam skop Projek Menaiktaraf dan Pembesaran LTAPP kelak. Pada masa ini, pihak MAHB sedang melaksanakan proses pelantikan juruperunding melalui proses tender terbuka untuk melaksanakan kajian terperinci projek pembesaran LTAPP.